

# Ashaari boleh ditahan ikut ISA

BH 6 AUG 1994

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkefafa, pemimpin al-Arqam, Ashaari Muhammad, boleh ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) jika beliau didapati melanggar undang-undang negara.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Ashaari dan pengikutnya bebas mengambil tindakan mahkamah terhadap beliau dan Pusat Islam, pemimpin Al-Arqam itu mesti menerima serta menghormati kenyataan *rule of law* (peraturan undang-undang) di negara ini.

"Undang-undang yang dikenakan terhadap Ashaari adalah sama seperti yang dikenakan kepada setiap rakyat di negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pemimpin Muda Asia Timur, anjuran Pemuda Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang bertindak mengharamkan seluruh fahaman dan kegiatan kumpulan itu berkuatkuasa hari ini serta langkah Ashaari bersama sekumpulan pengikutnya untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap beliau dan Pusat Islam.

Sidang akhbar itu turut dihadiri oleh wartawan media asing yang berminat untuk mengikuti secara lebih dekat perkembangan al-Arqam yang diharamkan itu.

Dr Mahathir berkata, alasan utama pengharaman itu adalah kerana al-Arqam menyeleweng daripada ajaran Islam dan ia tidak dibenarkan berkembang samasekali di negara ini.

Menurutnya, kerajaan juga pernah bertindak mengharamkan beberapa kumpulan agama sebelum ini kerana amalan mereka yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

"Mereka (al-Arqam) harus bertindak selari dengan ajaran Islam kerana apa yang mereka lakukan mengelirukan rakyat. Kita tidak bimbang dengan tindakan kumpulan itu tetapi apa yang lebih penting ialah memastikan generasi muda terutama kanak-kanak tidak membesar dengan kefahaman Islam seperti amalan al-Arqam," katanya.

Dr Mahathir berkata, sekalipun al-Arqam itu hanyalah kumpulan serpihan tetapi jika dibiarkan ia akan menjadi besar dan sukar untuk mengubah kepercayaan orang yang sudah yakin dengan fahamannya.

"Ini adalah persoalan akidah. Kita tahu akidah bukan berasaskan akal," katanya.

Menurutnya, tindakan kerajaan itu juga bukan kerana al-Arqam menjadi ancaman politik kepada kerajaan kerana beliau yakin majoriti rakyat tidak akan menyoy-

LIHAT MUKA 2

## Ashaari boleh ditahan bawah ISA

### DARI MUKA 1

kong perjuangannya untuk menubuhkan kerajaan.

Ditanya sama ada Ashaari boleh pulang ke negara ini dan terbabit dalam politik kepartian, Dr Mahathir berkata:

"Kita menerima langkakah itu dan dia (Ashaari) mesti melakukan kegiatan secara sah.

"Dia mesti pulang ke sini, hentikan ajaran yang menyeleweng, tubuh parti politik dan bertanding."

Menurutnya, bertanding dalam pilihan raya adalah perkara biasa yang mungkin boleh membawa kemenangan atau kekalahan kepada seseorang seperti beliau sendiri yang pernah kalah dalam pilihan raya umum.